



TEKS UCAPAN

**YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2024
BERSAMA AGENSI KPKM DI SABAH**

**15 FEBRUARI 2024
DEWAN KINABALU, BANGUNAN KWSP**

Saudara Pengacara Majlis,

(SALUTASI AKAN DIKEMASKINI)

SELAMAT PAGI, SALAM DAMAI DAN SALAM MALAYSIA MADANI

1. Saya menzahirkan rasa kesyukuran di atas limpah kurniaNya, maka kita dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Amanat Tahun 2024 Bersama-sama Agensi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Sabah.

2. Di kesempatan ini, saya kira masih belum lewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 dan Selamat Tahun Baru Cina kepada seluruh warga Agensi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan (MAFFI) Sabah.
3. Setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus lumus memastikan kejayaan penganjuran Majlis Amanat Tahun Baharu 2024. Majlis ini amat signifikan sebagai medium komunikasi antara KPKM bersama agensi-agensinya di peringkat negeri dan disamping berkongsi idea bersama-sama rakan strategik kita di MAFFI Sabah.
4. Saya amat menghargai komitmen tuan-tuan dan puan-puan untuk hadir ke majlis perjumpaan pada hari ini. Sedikit sebanyak, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan kerjasama yang erat antara agensi dalam sektor agromakanan. Sehubungan itu, saya mencadangkan agar perjumpaan seperti ini diadakan secara berkala dalam tempoh 4 bulan sekali.
5. Antara perkara utama yang ingin saya kongsi bersama-sama adalah tema KPKM pada tahun 2024 iaitu **Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat**. Tema ini mengangkat konsep inovasi dalam sektor agromakanan selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0).

Hadirin yang dihormati,

TEMA DAN PENCAPAIAN 2023

6. Dikesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi KPKM di Sabah dan MAFFI Sabah serta agensi-agensinya di atas segala usaha dan kerjasama yang telah dilaksanakan bagi memastikan kemampanan sektor agromakanan negeri ini pada tahun 2023. Mungkin ramai yang tidak sedar betapa pentingnya peranan yang dimainkan Kementerian, jabatan serta agensi dalam menyelesaikan isu “*bread and butter*” rakyat jelata.
7. Pelbagai cabaran telah dihadapi oleh KPKM bagi tahun 2023 terutamanya di kala seluruh dunia menghadapi krisis kenaikan harga makanan global. KPKM telah bertindak pantas dengan melaksanakan program Jualan Agro MADANI yang menawarkan jualan pelbagai barangan keperluan agromakanan seperti produk segar sayur-sayuran, buah-buahan, ikan, ayam, daging dan telur secara terus dari ladang dengan tawaran harga antara 10 peratus hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran setempat.
8. Program yang bertujuan untuk memberikan akses makanan asas kepada rakyat pada harga jualan yang berpatutan ini telah mendapat sambutan yang begitu hebat, terutamanya bagi golongan B40 dan M40.

9. Khusus bagi Sabah, sebanyak 367 program Jualan AgroMADANI telah dilaksanakan sepanjang 2023 di seluruh negeri dengan penglibatan seramai 3,990 usahawan dan telah berjaya merekodkan jualan sebanyak RM5.25 juta. Tahniah FAMA Sabah, saya percaya kita akan memperbanyakkan lagi Jualan AgroMADANI di samping melihat kepada penganjuran Jualan AgroMADANI Mega secara berkala di Sabah bagi tahun 2024.
10. Pada tahun 2023, negara juga turut diuji dengan isu kekurangan bekalan telur dan beras putih tempatan akibat dari kenaikan harga di rangkaian bekalan serta sekatan import dari India.
11. Bagi maksud ini, Kementerian telah bertindak pantas untuk melaksanakan Program Intervensi Pengedaran Telur Ayam dan Program Intervensi Pengedaran Beras Putih Tempatan, ketika mana berlakunya kekurangan bekalan kedua-dua komoditi tersebut dalam pasaran, sehinggalah bekalan kembali stabil.
12. Dengan mengambil kira pengeluaran beras putih tempatan yang terhad di Sabah dan Sarawak, kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah proaktif dengan memberi subsidi sebanyak RM950 bagi setiap tan metrik beras putih import (BPI). Langkah pemberian subsidi tersebut membolehkan BPI diperolehi dengan harga runcit RM31 bagi setiap 10 kilogram seterusnya mengurangkan beban yang ditanggung rakyat.

13. Sehubungan itu, usaha untuk meningkatkan SSR beras negara telah menjadi keutamaan KPKM bermula tahun 2024 dengan menggariskan beberapa langkah drastik yang akan dilaksanakan.
14. Dari segi bekalan ayam pula, bekalan bagi tahun 2023 telah kembali stabil dan harga kos penternakan ayam juga telah kembali kepada trend yang lebih rendah daripada sebelum ini. Mengambil kira keadaan tersebut, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menamatkan subsidi ayam bagi membolehkan program penyasaran subsidi yang dijangka dapat memberi faedah secara terus kepada warganegara Malaysia yang layak dapat dilaksanakan.
15. Program subsidi sedia ada ini dilihat kurang efektif kerana ia lebih menguntungkan golongan maha kaya dan juga warganegara asing. Secara umumnya, sejak harga ayam diapungkan dari 1 Disember 2023 hingga kini, didapati bekalan dan harga ayam di pasaran masih lagi stabil dengan purata harga jualan yang mampu dibeli oleh masyarakat umum.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

HALA TUJU & INDUSTRI FOKUS 2024

16. KPKM serta jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai program dan pendekatan bagi memastikan bidang pertanian dan industri makanan asas tani negara dapat diperkasa dan mensejahterakan rakyat.

17. Bagi tahun ini, KPKM akan meneruskan 5 industri fokus yang digariskan pada tahun 2023 iaitu akuakultur, penternakan lembu secara fidlot, jagung bijian, penglibatan anak muda dan pemerkasaan institut latihan pertanian dengan melihat semula penetapan sasaran dan strategi jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.
18. Tambahan kepada 5 fokus tersebut, KPKM juga akan memberi fokus untuk mengukuhkan tiga (3) lagi industri sedia ada dan satu (1) industri rintis sebagai langkah proaktif menangani isu keterjaminan makanan yang dihadapi rakyat. Empat fokus baharu bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:
 - I. padi dan beras,
 - II. ayam dan telur,
 - III. bawang; dan
 - IV. nanas.
19. **Mulai tahun 2024 sehingga tahun sasaran 2030, suntikan pengukuhan** melalui pelaksanaan dan pembudayaan **Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR)** akan turut diberikan penekanan yang komprehensif ke atas semua fokus hala tuju yang telah saya nyatakan tadi.

HALA TUJU: PELAKSANAAN DAN PEMBUDAYAAN INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT (PINTAR)

20. PINTAR bukanlah satu konsep yang baharu tetapi ia amat kritikal untuk dilaksanakan bagi memastikan peningkatan produktiviti dan kelestarian sektor agromakanan negara. Melalui konsep PINTAR, pelaksanaan dan pembudayaan inovasi dan *re-engineering* dalam semua aspek rantai nilai sektor agromakanan akan diberikan penekanan yang komprehensif. PINTAR merupakan *Game Changer* dalam usaha kita untuk mereformasi sektor agromakanan.
21. **Konsep Pertanian PINTAR ini disandarkan kepada lima (5) teras strategik iaitu:**
- a. Pertama (1): Pembangunan Kapasiti Industri dan Infrastruktur;
 - b. Kedua (2): Reformasi Institusi dan Tatakelola;
 - c. Ketiga (3): Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I);
 - d. Keempat (4): Teknologi, Mekanisasi dan Automasi; dan
 - e. Kelima (5): Perluasan Jaringan Kolaborasi berkonsepkan *Whole of Government, Whole of Society Approach*.
22. Kesemua lima (5) teras strategik PINTAR ini adalah **indikator yang kritikal kepada pembangunan, pengembangan dan pengukuhan sektor agromakanan negara** yang merangkumi sektor tanaman, ternakan, perikanan, dan industri asas tani di

sepanjang rangkaian pengeluaran dan nilai.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

INDUSTRI FOKUS 2024

i. INDUSTRI PADI: GELOMBANG PADI

23. Beras/padi bukan sahaja makanan ruji bagi kita di Sabah, ianya merupakan suatu subjek/elemen yang begitu dekat dengan adat resam, budaya dan juga hati rakyat Sabah. Namun begitu, pada masa kini, kita berhadapan dengan situasi yang kurang enak di mana purata hasil padi di Sabah berada di tahap yang rendah iaitu sekitar 2.882 mt/ha.
24. Situasi ini secara tidak langsung menyebabkan kita terpaksa bergantung kepada beras import bagi menampung Tahap Sara Diri (SSR) Sabah. Situasi tersebut diburukkan lagi dengan isu domestik seperti ketidakcukupan bekalan benih, kelewatan pengedaran bekalan baja, tanah jerlus, infrastruktur pertanian seperti pengairan dan saliran yang tidak lengkap serta penyertaan golongan muda yang masih rendah.
25. Inilah cabaran yang perlu kita atasi bagi meningkatkan pengeluaran tempatan dan mengurangkan kebergantungan import.
26. Sehubungan itu, pada tahun ini, Kementerian akan menambah baik mekanisme pelaksanaan sedia ada dan merangka hala tuju baharu bagi industri padi dan beras negara. Perubahan ini kita gelarkan sebagai “Gelombang Padi”.

27. Berikut adalah 12 inisiatif/program yang akan dilaksanakan oleh KPKM di bawah Gelombang Padi:

- I. memperkenalkan Dasar Baharu Insentif Benih Padi Sah (IBPS);
- II. memulih dan membangunkan kawasan tanah jerlus;
- III. memperkasa pembekalan input pertanian;
- IV. memperkukuh pengurusan air ke kawasan tanaman padi;
- V. memperluas pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan;
- VI. menambah keluasan bagi pelaksanaan Program 5x2 yang melibatkan kawasan sebanyak 3,000 hektar secara berperingkat di kawasan MADA;
- VII. memperkenalkan kaedah pembayaran belian padi secara dalam talian (online) kepada pesawah di seluruh negara bagi mengurangkan peranan orang tengah;
- VIII. mengurangkan kehilangan hasil lepas tuai;
- IX. membangunkan sistem bersepadu yang mengintegrasikan semua maklumat berkaitan industri padi dan beras (SMART Padi);

- X. membangunkan sistem soil profiling berdasarkan Site Specific Nutrient Management (SSNM) bagi kawasan jelapang padi;
 - XI. memperkasa penanaman padi bukit dan padi huma di Sabah dan Sarawak dengan menyediakan peruntukan bagi pembekalan input pertanian; dan
 - XII. meningkatkan produktiviti hasil padi dengan perluasan kawasan baharu jelapang padi.
28. Gelombang Padi merupakan satu *pemangkin* yang akan mentransformasi industri padi dan beras negara. Saya percaya dengan kerjasama yang erat bersama MAFFI Sabah, inisiatif Gelombang Padi akan dapat meningkatkan lagi produktiviti dan SSR padi di Sabah seterusnya meningkatkan pendapatan pengeluar makanan di sepanjang rantai makanan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

ii. INDUSTRI AYAM & TELUR

29. Kesukaran mendapatkan Kebenaran Merancang (KM) bagi menukar ladang ternakan ayam kepada sistem tertutup dikenal pasti antara cabaran utama dihadapi penternak ayam ketika ini. Sistem reban tertutup dapat meningkatkan efisiensi pengeluaran, mengurangkan kos pengeluaran serta memastikan kawalan kualiti keluaran hasil terjamin dan pada masa yang sama ladang tidak mencemar alam sekitar.

30. Antara cabaran dihadapi penternak kecil mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang ialah keperluan bagi menyeragamkan peraturan pihak berkuasa tempatan selain membabitkan banyak agensi dan keperluan terlalu kompleks untuk dipenuhi pemain industri.
31. Disamping itu juga, terdapat juga isu **kesukaran mendapatkan pembiayaan yang bersesuaian bagi melaksanakan aktiviti penternakan ayam dan telur ini dari golongan penternak bersaiz kecil dan sederhana.**
32. Oleh yang demikian, KPKM memberikan komitmen untuk menyelesaikan isu-isu yang membelenggu pengusaha ternakan ayam dan telur pada tahun ini. Antara tindakan yang akan diambil KPKM adalah menerajui usaha dengan matlamat untuk mempermudah proses mendapatkan Kebenaran Merancang dan ini termasuklah sesi libat urus yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan semua isu yang berbangkit.
33. Bagi kekangan pembiayaan pula, pihak Agrobank akan bekerjasama dengan pihak KPKM dengan lebih agresif untuk mencari kaedah dan proses permohonan pembiayaan yang lebih bersifat mesra pelanggan dan mudah diperolehi.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

iii. INDUSTRI BAWANG

34. KPKM kini mengorak langkah untuk memperkasakan industri bawang dalam negara setelah mengambil kira kepelbagaian makanan di Malaysia yang memerlukan bawang sebagai satu daripada ramuan penting masakan. Oleh itu, bawang dilihat sebagai komoditi yang strategik untuk dibangunkan.
35. Malaysia tidak menghasilkan bawang dan mengimport sepenuhnya dari negara seperti India, Belanda dan Thailand. Pada tahun 2022, jumlah import bawang adalah 685.4 ribu tan metrik dengan nilai sebanyak RM1.58 bilion ringgit.
36. Krisis bekalan bawang pada tahun 2020 akibat bencana banjir besar di India telah mengakibatkan kenaikan harga jualan bawang sebanyak tiga kali ganda. Pada tahun 2023 pula, India telah menaikkan duti eksport bawang sebanyak 40 peratus dan melaksanakan sekatan eksport bawang yang berkuat kuasa sehingga 31 Mac 2024.
37. Keadaan ini menyebabkan harga bawang meningkat sehingga 105 peratus. Maka, pengeluaran domestik perlu dirintis bagi memenuhi keperluan rakyat Malaysia.
38. MARDI telah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan **kajian adaptasi penanaman bawang merah** bagi pengeluaran dan penghasilan tempatan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap bawang import di samping memperkukuh keterjaminan makanan. Hasil daripada kajian tersebut, Tiga (3) varieti bawang merah iaitu BAW-1, BAW-2 dan BAW-3 telah berjaya pada 25 Ogos 2023.

39. Kini, MARDI sedang giat meningkatkan bahan tanaman (bebawang dan biji benih) melalui pembangunan Plot Pengeluaran Benih Bawang MARDI di Pusat Penyelidikan Hortikultur, Serdang dan Stesen MARDI Bachok.
40. Selaras dengan tema inovasi yang dibawa bagi tahun 2024 ini, pembangunan industri bawang akan terus diperkasakan dengan lebih agresif. MARDI akan berperanan sebagai pusat pengeluar benih, manakala Jabatan Pertanian (DOA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang berperanan untuk melaksanakan inisiatif penanaman bawang tersebut pada skala yang lebih besar melalui kolaborasi dan usahasama strategik bersama Kerajaan Negeri dan usahawan yang berpotensi di kawasan-kawasan yang bersesuaian.
41. Inisiatif ini dilaksanakan melalui dua fasa iaitu fasa rintis dan fasa pengembangan berdasarkan sasaran output yang jelas. Projek *upskilling* tanaman bawang telah dijalankan pada 24 Januari lepas di kawasan seluas satu hektar di Kampung Ladang Bikam, Sungkai, Perak. Bagi merealisasikan matlamat pengurangan import sebanyak 30%, KPKM menyasarkan seluas 1,447 hektar kawasan penanaman setahun.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

iv. INDUSTRI NANAS

42. Bagi mengurangkan defisit perdagangan dalam sektor agromakanan, Kementerian perlu lebih agresif dalam mencari produk dan kekayaan baharu untuk dieksport ke luar negara.
43. Berdasarkan data dan trend permintaan semasa, produk nanas

adalah salah satu produk baharu yang turut boleh diterokai untuk dijadikan sumber kekayaan baharu bagi sektor agromakanan.

44. Justeru, pada tahun 2024, Malaysia akan memperkenalkan **konsep tanaman nanas iaitu 'Sekali Tanam, Tiga Kali Tuai'**. Konsep ini memberi penekanan kepada hasil tuaian buah, benih dan sisa nanas yang boleh memberi pendapatan tambahan kepada pengusaha sebanyak 37 ribu ringgit sehektar daripada jualan sisa nanas sahaja.
45. Permintaan eksport nanas segar dan produk hiliran amat memberangsangkan. Bagi tahun 2022, nilai eksport nanas segar dan produk hiliran adalah berjumlah 1.7 bilion ringgit dan dengan kadar purata peningkatan tahunan sebanyak 12.6 peratus bagi tempoh lima tahun. Walau bagaimanapun, Malaysia hanya mampu untuk membekalkan 800 kontena setahun berbanding permintaan sebanyak 4,000 kontena.
46. Jesteru, KPKM menyasarkan untuk meningkatkan kapasiti eksport kepada 1,000 kontena pada tahun ini. Bagi membolehkan sasaran ini tercapai di samping memenuhi permintaan pasaran domestik dan luar negara, **Kementerian menyasarkan sebanyak 1,500 hektar penambahan kawasan baharu** bagi mencapai jumlah kawasan penanaman nanas sebanyak 20 ribu hektar menjelang tahun 2025.

47. KPKM turut memperkenalkan konsep '***Pineapple Night Farming***' yang memberi penekanan kepada **aktiviti pengeluaran nanas padawaktu malam** dengan integrasi sistem solar, IOT, pertanian tepat (*precision farming*) dan penggunaan tenaga buruh yang optimum. Inisiatif ini memberikan impak yang signifikan dalam meningkatkan produktiviti dan pendapatan pengusaha nanas.
48. Keempat-empat fokus 2024 yang telah saya nyatakan ini adalah selaras dengan inisiatif yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021- 2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025. Secara tersiratnya, inilah industri agromakanan yang dapat KPKM dan MAFFI Sabah bekerjasama secara erat untuk memacu sektor pertanian di Sabah.

Hadiri yang dihormati,

PENGUKUHAN INISIATIF SEDIA ADA

49. Bagi memastikan keterjaminan makanan negara kekal utuh, saya menyarankan supaya pelbagai inisiatif meningkatkan pengeluaran domestik komoditi makanan terus diberi keutamaan.
50. Kerajaan sentiasa **menggalakkan syarikat pelaburan negara ini membuat pelaburan timbal balik atau "*Reverse Investment*" (RI) di negara lain**. Kaedah ini menyokong usaha Kerajaan mempromosikan pelaburan di luar negara yang akan:
- menjamin bekalan makanan dalam negara khususnya dalam menghadapi situasi krisis makanan dengan kos dan

mekanisme yang lebih efektif;

- memanfaatkan pelaburan serta sumber, peluang dan tenaga buruh tersedia secara maksimum di negara-negara yang secara relatifnya berkost rendah; dan
- menggalakkan aplikasi dan perkongsian teknologi pertanian dan R&D.

51. Peningkatan dalam *reverse investment* akan **menyumbang ke arah keterjaminan makanan melalui jaminan negara sumber**. Justeru, saya berharap agar lebih banyak syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan dan swasta di peringkat Persekutuan dan negeri menyahut seruan ini.
52. **Pemeriksaan sektor pertanian melalui aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialandan inovasi (R&D dan C&I)** akan mendorong sektor agromakanan menjadi lebih mampan dan berdaya saing. Adaptasi pendigitalan dalam sektor agromakanan membantu membuat keputusan yang tuntas dan berkesan.
53. Bagi menggalakkan persaingan dalam aktiviti inovasi dan peningkatan **pengeluaran benih tanaman (habbenih)**, KPKM telah melaksanakan **Projek Pembangunan Usahawan Pengeluar Benih Berkualiti** bertujuan membangunkan pengeluar benih tanaman dengan menggunakan varieti MARDI. Ini merupakan salah satu usaha pemindahan teknologi gunaan awam kepada golongan sasaran dan mempromosikan varieti baharu MARDI.

54. Pernerksaan agenda kebajikan petani, nelayan, penternak dan pesawah akan terus diperksa dan dilaksanakan menerusi peruntukan khusus subsidi dan insentif bagi 2024. Antaranya adalah Skim Subsidi Harga Padi, Subsidi dan Insentif Tanaman Padi, Bantuan Khas Pesawah, Subsidi dan Insentif Nelayan, skim perlindungan takaful untuk pesawah dan lain-lain lagi.
55. Suka untuk saya kongsikan di sini, hari ini tanggal 15 Februari 2024 merupakan tarikh yang bermakna bagi pesawah di Sabah dan Sarawak. Berkuatkuasa hari ini, harga lantai belian padi (beras putih sahaja) di Sabah dan Sarawak ditetapkan kepada RM1,300 per tan metrik selaras dengan harga yang sama bagi pesawah di Semenanjung Malaysia.
56. Saya berharap dengan penyelarasan harga lantai baharu ini akan membantu menambah pendapatan pesawah sekali gus menggalakkan mereka untuk meningkatkan pengeluaran padi.
57. Dalam mengejar objektif untuk melaksanakan agenda keterjaminan makanan, kita tidak boleh juga lupa tentang kepentingan untuk menjaga alam sekitar yang merupakan elemen yang penting bagi kemampuan agenda keterjaminan makanan. Oleh yang demikian, penekanan kepada agenda Ekonomi Kitaran dalam aktiviti pertanian perlulah diperkukuhkan seperti penggunaan baja organik dan kaedah pertanian moden yang lebih cekap sebagai nilai tambah yang mampu meningkatkan pendapatan kepada pengusaha agromakanan.

58. Saya juga turut berharap agar semua program, inisiatif dan projek Pembangunan yang telah dirangka dan diberikan peruntukan dapat dilaksanakan dengan kadar segera selaras dengan amanat YAB Perdana Menteri agar kemudahan-kemudahan tersebut dapat dirasakan dan digunakan oleh golongan sasaran yang telah dikenal pasti.

Hadirin yang dihormati,

PENUTUP

59. Saya percaya segala hasrat yang disampaikan tadi akan dapat direalisasikan dengan komitmen padu dan tekad oleh warga dan golongan sasaran Kementerian.

60. Selaras dengan titik pertemuan pada hari ini, semoga kerjasama erat antara KPKM dan MAFFI Sabah akan dapat diperkukuhkan untuk memacu sektor agromakanan Sabah dan seterusnya menyumbang kepada sekuriti makanan negara selaras dengan pendekatan "*Whole of Government & Whole of Society*".

61. Saya melihat antara kerjasama yang dapat KPKM & MAFFI Sabah jalin dan perkukuhkan adalah untuk membangunkan tanah-tanah terbiar di Sabah dengan aktiviti pertanian agromakanan. Saya percaya kerjasama erat ini akan dapat melonjakkan Sabah sebagai hub pengeluaran agromakanan Negara.

63. Bagi warga agensi KPKM di peringkat negeri Sabah, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan akan dapat menerapkan **Budaya Kerja PEKA** iaitu:

- Sentiasa **PERKUKUHKAN** gerak kerja di akar umbi kerana Kumpulan sasar kita adalah mereka yang berada di kampung-kampung.
- Utamakan program-program yang memberikan manfaat kepada **EKONOMI RAKYAT**.
- Tingkatkan **KOLABORASI** antara agensi mahupun dengan agensi luar untuk kepentingan Kumpulan sasar KPKM.
- **AMALKAN BUDAYA KERJA BERINOVASI**. Jadilah contoh terbaik untuk membudayakan inovasi ke peringkat akar umbi.

64. Sekali lagi saya merakamkan jutaan terima kasih kepada warga KPKM dan MAFFI Sabah di segenap lapisan yang telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk manfaat rakyat dan meningkatkan pendapatan golongan sasar sama ada secara langsung atau tidak langsung.

65. Dengan kekuatan pasukan yang ada, saya yakin kita akan berjaya mengharungi cabaran yang dihadapi pada masa ini dan mengangkat agenda keterjaminan makanan sebagai keutamaan.

Sekian dan terima kasih.